

[Home](#) / [2025](#) / [September](#) /

UiTM Cawangan Pahang Perkasa Kepimpinan Murid Sekolah Rendah Melalui Kursus Pemimpin Muda

SINERGI

24/09/2025 / YANTI HARTINI SUPARNO



JERANTUT, 13 Ogos 2025 – Unit Psikologi dan Kaunseling, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pahang Kampus Jengka telah dijemput menyantuni warga Sekolah Kebangsaan Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak, Jerantut melalui penganjuran Kursus Kepimpinan Pemimpin Muda yang berlangsung di Dewan Al-Khawarizmi. Program ini bertujuan memperkukuh nilai kepimpinan dalam kalangan murid yang memegang jawatan di sekolah, selaras dengan usaha membentuk generasi

pelajar yang berdisiplin, berwibawa dan beretika.

Seramai 125 murid Tahun 1 hingga Tahun 6 yang dilantik sebagai Ketua Darjah, Penolong Ketua Darjah, Pengawas Sekolah, Pengawas Buku Teks, Pengawas Pusat Sumber dan Pengawas Pusat Islam telah menyertai program ini. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Guru Besar, Tuan Cikgu Zainordin bin Mohamed Yatim.

Slot ceramah bertajuk “*Motivasi dan Kepimpinan*” telah disampaikan oleh Cik Wan Noradila Wan Mohd Zain, Timbalan Pegawai Psikologi UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka. Ceramah ini memberi pendedahan kepada peserta tentang asas kepimpinan pelajar, termasuk pembinaan keyakinan diri, kemahiran komunikasi, keupayaan membuat keputusan serta pemahaman terhadap peranan dan tanggungjawab sebagai pemimpin muda.







Program diteruskan dengan sesi Latihan Dalam Kumpulan (LDK) bertajuk “*Tugas dan Tanggungjawab Pemimpin Muda*”, yang dilaksanakan dalam bentuk checkpoint interaktif. Aktiviti ini membolehkan peserta mengaplikasikan ilmu secara praktikal, mengasah kemahiran menyelesaikan masalah dan membuat keputusan dalam suasana terkawal.

Menurut Guru Besar SK Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak, program ini memberi nilai tambah kepada pembangunan sahsiah pelajar serta menyokong usaha sekolah dalam melahirkan murid yang cemerlang bukan sahaja dari segi akademik, tetapi juga sebagai pemimpin yang bertanggungjawab dan berintegriti.

Program ini turut memberi impak positif kepada pelajar melalui peningkatan keyakinan diri,

kemahiran berinteraksi dan pemahaman peranan kepimpinan masing-masing. Pendekatan ceramah interaktif dan aktiviti berasaskan pengalaman nyata membolehkan murid terlibat secara aktif sepanjang program.

Penglibatan UiTM dalam program komuniti sebegini memperkukuh peranannya sebagai institusi prihatin yang menyumbang secara aktif kepada pembangunan sosial dan pendidikan masyarakat. Usaha ini membuktikan komitmen UiTM dalam pendidikan luar bilik darjah serta pembinaan jaringan masyarakat yang mampan.

Kursus Kepimpinan Pemimpin Muda ini membuktikan bahawa kolaborasi antara institusi pengajian tinggi dan sekolah mampu memberi manfaat menyeluruh dalam pembangunan modal insan yang holistik, dinamik dan seimbang. Diharapkan program ini terus memberi inspirasi kepada murid untuk menjalankan tanggungjawab kepimpinan dengan dedikasi dan wawasan tinggi demi masa depan negara.



Tags: [Pemimpin Muda](#), [Sekolah Kebangsaan Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak](#), [UiTM Cawangan Pahang](#), [Unit Psikologi dan Kaunseling](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

☐ UiTM dan UMS Perkukuh Jalinan
Strategik Serantau dalam Bidang
Pendidikan dan Inovasi Pengajaran

UiTM Sarawak Concludes CDBK2025
with Cultural Showcase and Renewed
Commitment to Global Collaboration ☐

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)

HUBUNGI KAMI

[Universiti Teknologi MARA
\(UiTM\)](#)
40450 Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan
Malaysia



[Library](#)

[UiTM Holdings](#)

[WiFi UiTM](#)

[E-Complaint](#)

Tel: +603-5544 2051 / 2000